

7 MAR 1996

PERBINCANGAN MENGENAI PULAU BATU PUTIH DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Para pegawai kanan dari Singapura dan Malaysia meneruskan perbincangan mengenai persetujuan khas untuk merujuk isu tuntutan Pulau Batu Putih kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Kenyataan dari Wisma Putra menyebut perbincangan itu ialah berikutan persetujuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong pada Sept 1994 mengenai perkara itu.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar sementara Singapura diwakili oleh Peguam Kanan Negara, S Tiwari.

kali terakhir para pegawai itu bertemu ialah pada Jun tahun lepas di Kuala Lumpur. Kedua-dua pihak bersetuju supaya mesyuarat akan datang diadakan di Kuala Lumpur. -- BERNAMA

HJ FAZ